



14 Nov 2018
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 8 • Printed size: 195.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 6,722.00
Item ID: MY0034304724

[isentia.mediaportal](https://isentia.mediaportal.com)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Projek mata wang kripto Harapan Coin diteruskan

Kuala Lumpur: Rancangan untuk menjadikan Harapan Coin sebagai mata wang kripto kebangsaan dan digunakan dalam pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada masa depan, masih diteruskan.

Menteri Wilayah, Khalid Abdul Samad, berkata cadangan berkenaan dikemukakan ketika pelancaran Harapan Coin pada Mei lalu dan ia bukan keputusannya sendiri.

Khalid yang juga pengasas bersama Harapan Coin berkata, secara peribadi beliau berpandangan penggunaan wang kripto adalah teknologi masa depan yang mempunyai masa depan cerah dan negara ini wajar memanfaatkan potensinya dengan se-baik mungkin.

"(Malah) saya sudah usahakan untuk mengatur satu pembentangan (kertas kerja) kepada pihak yang akan terbabit dalam membuat keputusan berhubung dengan perkara ini termasuk Perdana Menteri dan Bank Negara.

"Tapi, oleh kerana Perdana Menteri sekarang ini terlalu sibuk dan banyak urusan lain, jadi buat masa ini, perkara ini bukan satu keutamaan bagi beliau. Namun saya akan terus usahakannya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Blockchain Kebangsaan dan Makmal Teknologi Blockchain Universiti Malaya (UM) di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, universiti berkenaan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UM, Datuk Ir Dr Abdul Rahim Hashim dan Pengarah IFCON Technology Sdn Bhd, Ahmad Aliff AS Ahmad Shariffuddin.

Kumpul dana untuk PH

Ketika pelancaran Harapan Coin, Khalid yang juga Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (AMANAH), dipetik sebagai berkata projek itu bertujuan mengumpul dana untuk PH.

Harapan Coin berfungsi sebagai platform pengumpulan dana politik pertama dunia menggunakan teknologi mata wang kripto serta blockchain dan perkara itu akan diputuskan oleh Majlis Presiden PH.

Khalid berkata, sekiranya sistem wang kripto yang juga produk teknologi Blockchain diterima, ia boleh digunakan dalam pelbagai transaksi kerajaan termasuk pembayaran lesen dan saman.

"Apabila kita mempunyai pasaran, maka nilai dan permintaan wang kripto akan meningkat dan apabila ini berlaku ia akan berkembang seperti mata wang biasa.

"Namun, kita perlu ada badan yang mengawal peraturan dan mengawalinya supaya ia tidak sewenangnyanya dimanipulasi," katanya.

Sementara itu, katanya biarpun teknologi Blockchain dan wang kripto dianggap baharu di Malaysia, ia mempunyai banyak kebaikan termasuk menggunakan sistem data terbuka dan tidak boleh digodam.

"Saya secara peribadi, ingin melihat satu usaha bersungguh-sungguh untuk negara menguasai teknologi ini. Saya rasa bangga melihat kerjasama antara IFCON dengan UM bukan sekadar mengajar secara teori tapi mengaplikasikan teknologi blockchain ini dan wang kripto," katanya.



14 Nov 2018
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 8 • Printed size: 195.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 6,722.00
Item ID: MY0034304724

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Rancangan untuk menjadikan Harapan Coin sebagai mata wang kripto kebangsaan dan digunakan dalam pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada masa depan, masih diteruskan. Menteri Wilayah, Khalid Abdul Samad, berkata cadangan berkenaan dikemukakan ketika pelancaran Harapan Coin pada Mei lalu dan ia bukan keputusannya sendiri.